

29 SEP 1997

Mahathir-Chile

DR MAHATHIR TIBA DI CHILE DALAM RANGKA LAWATAN KE AMERIKA LATIN

Oleh: K.C.Leong

SANTIAGO, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba untuk lawatan rasmi tiga hari ke Chile petang Ahad (pagi Isnin waktu Malaysia) dalam pusingan kedua lawatannya ke empat negara Amerika Latin.

Perdana Menteri, yang tiba di sini dari Cuba, diiringi rombongan terdiri daripada 100 orang pegawai dan ahli perniagaan, yang termasuk Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

Beliau disambut di Lapangan Terbang Arturo Merino Benitez oleh Menteri Luar Chile Jose Miguel Insulza dan Duta Malaysia ke Chile Cik Lily Zachariah.

Dr Mahathir akan diberikan sambutan rasmi oleh Presiden Eduardo Frei Ruiz-Tagle di istana presiden apabila beliau membuat kunjungan hormat di Palacio de la Moneda pagi esok.

Dr Mahathir kemudian akan mengetuai rombongan Malaysia pada mesyuarat dua hala sebelum menaiki keretapi dengan Presiden Frei ke sebuah bandar berdekatan di San Bernardo untuk bersama-sama merasmikan stesen baru keretapi di sana.

Pada sebelah tengah hari, beliau akan menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama tokoh-tokoh usahawan Malaysia dan Chile.

Pada sebelah malam beliau akan menghadiri jamuan negara yang diberikan oleh Presiden Frei di Palacio de la Moneda.

Dr Mahathir akan juga berucap pada Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) pada satu jamuan malam pada hari Selasa. Terdahulu itu, beliau akan menghadiri pembukaan mesyuarat PECC yang dirasmikan oleh Presiden Frei.

Pada sebelah tengah hari, beliau akan melawat Pirque, 45 km selatan dari sini, untuk merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan sebuah bandar baru yang akan dimajukan oleh sebuah syarikat usahasama Malaysia-Chile.

Sebuah anak syarikat MTD Capital Malaysia Bhd mempunyai 51 ekuiti dalam El Principal SA yang akan membangunkan projek berharga AS\$150 juta (kira-kira AS450 juta) itu dalam tempoh lapan hingga 10 tahun.

Dr Mahathir, yang membuat lawatan keduanya ke negara ini, akan berlepas ke Uruguay pada pagi Rabu untuk lawatan dua hari sebelum mengunjungi Argentina.

Dr Mahathir kali terakhir melawat Chile pada tahun 1991 manakala Presiden Frei melakukan lawatan negara ke Malaysia pada tahun 1995.

-- BERNAMA

LKC AKD